



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

3 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 767 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 200,396 kes. Sebanyak 14 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Tawau, dua (2) kes di Lahad Datu dan Kota Kinabalu manakala masing-masing satu (1) kes di Kudat, Tuaran, Kota Marudu, Penampang, Semporna, Ranau dan Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,096 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 183,694 orang. Manakala 2,790 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,078 orang di hospital, 1,689 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 132 orang merangkumi 119 di ICU/repurposed kritikal care serta 13 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 50 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) masih belum lengkap vaksin ialah 286 (63.41%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah mengekalkan trend penurunan kes positif dengan catatan sebanyak (767) kes, yakni penurunan marginal (-17) kes berbanding semalam.
- b. Trend penurunan kumulatif kes Negeri Sabah pada hari ini sejajar dengan jumlah daerah yang mencatatkan penurunan iaitu 15 daerah, manakala 11 daerah lain mencatatkan sedikit peningkatan dan satu (1) daerah iaitu Kinabatangan mengekalkan catatan sebagaimana semalam.
- c. Bagi daerah yang mengalami trend penurunan berbanding catatan kes semalam, Ranau mencatatkan penurunan tertinggi hari ini dengan (-21) kes, Beluran (-16) kes, Tenom (-14) kes, Pitas (-12) kes dan Kunak (-11) kes.
- d. Daerah yang mencatatkan peningkatan ketara pada hari ini pula didominasi oleh Kota Kinabalu yang mencatatkan peningkatan sebanyak (+33) kes, Kudat (+19) kes, Sipitang (+12) kes dan Papar (+11) kes.
- e. Sistem kemaskini pendataan bagi daftar lewat kes jangkitan harian juga berada dalam keadaan baik sungguhpun jumlah kes tertunggak untuk kes daftar melebihi 4 hingga 5 hari ini meningkat sedikit berbanding semalam.
- f. Walau bagaimanapun, trend Saringan Kontak Rapat sebagai penyumbang utama kes harian di Negeri Sabah masih kekal iaitu 54.63% daripada jumlah kes harian pada hari ini.
- g. Selain itu, dengan peratusan 35.07% daripada kumulatif kes pada hari ini yang datangnya daripada Saringan Bergejala memperlihatkan betapa trend jangkitan di Negeri Sabah bukan lagi bersifat lokaliti tertentu, tetapi sudah merebak ke dalam seluruh komuniti.

- h. Berdasarkan analisa ini, kaedah "bergantung sepenuhnya kepada petugas barisan hadapan dan juga penguatkuasaan" sudah tidak berkesan kerana tiada siapa boleh ramalkan siapa yang menjadi pembawa atau siapa yang sudah dijangkiti. Kita perlu terima hakikat bahawa "we have to live with the virus" dan amalan terbaik yang boleh disarankan ialah pematuhan SOP sendiri, selain daripada sokongan kepada usaha vaksinasi yang sedang giat dijalankan.
- i. Berdasarkan kepada statistik pengkategorian kes-kes jangkitan Covid-19 pada hari ini, 91.52% daripada kes jangkitan hari ini hanya pada Kategori 1 dan Kategori 2, manakala hanya lima (5) kes Kategori 3, enam (6) kes Kategori 4 dan tiga (3) kes Kategori 5.
- j. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (419) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	5	0.65%
2	Bergejala	269	35.07%
3	Kontak	419	54.63%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	74	9.65%
JUMLAH		767	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (02 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 02/10/2021	Catatan Kes 03/10/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	79	112	+33
2	Kudat	14	33	+19
3	Sipitang	10	22	+12
4	Papar	22	33	+11
5	Nabawan	17	25	+8
6	Penampang	33	40	+7
7	Kalabakan	0	7	+7
8	Kota Belud	38	45	+7
9	Putatan	19	23	+4
10	Kuala Penyu	3	7	+4
11	Semporna	10	12	+2
12	Kinabatangan	15	15	Mendatar
13	Ranau	77	56	-21
14	Beluran	25	9	-16
15	Tenom	46	32	-14
16	Pitas	27	15	-12
17	Kunak	15	4	-11
18	Tuaran	43	34	-9
19	Tawau	44	36	-8
20	Sandakan	46	38	-8
21	Kota Marudu	39	32	-7
22	Lahad Datu	59	53	-6
23	Beaufort	13	8	-5
24	Keningau	60	55	-5
25	Telupid	15	11	-4
26	Tongod	8	5	-3
27	Tambunan	7	5	-2
JUMLAH		784	767	-17

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (19 September – 02 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	58	29	0	25	112	1,681
Ranau	0	39	13	0	4	56	922
Keningau	0	37	16	0	2	55	986
Lahad Datu	0	19	31	0	3	53	1,166
Kota Belud	0	24	18	0	3	45	709
Penampang	0	24	15	0	1	40	680
Sandakan	0	14	15	0	9	38	1,039
Tawau	0	26	9	0	1	36	623
Tuaran	0	25	9	0	0	34	802
Papar	0	19	13	0	1	33	555
Kudat	0	20	12	0	1	33	359
Tenom	0	9	20	0	3	32	410
Kota Marudu	0	13	15	0	4	32	884
Nabawan	0	19	4	0	2	25	355
Putatan	0	13	9	0	1	23	478
Sipitang	0	18	2	0	2	22	186
Pitas	0	5	7	0	3	15	486
Kinabatangan	5	4	5	0	1	15	500
Semporna	0	0	7	0	5	12	137
Telupid	0	3	6	0	2	11	233
Beluran	0	7	1	0	1	9	395
Beaufort	0	6	2	0	0	8	210
Kuala Penyu	0	5	2	0	0	7	52
Kalabakan	0	0	7	0	0	7	122
Tongod	0	5	0	0	0	5	214
Tambunan	0	5	0	0	0	5	164
Kunak	0	2	2	0	0	4	165
JUMLAH	5	419	269	0	74	767	14,513

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kinabatangan	Kluster Desa Jeroco 2	3
	Kluster Sungai Bendera	2
JUMLAH		5

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,793 unit

- Hospital 1,929 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,164 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 41.07%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 3 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	747
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	14
Jumlah	767

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Kelantan	1
Perak	1
Jumlah	3

Import B (Jangkitan Luar Malaysia)	
Brunei	1
Canada	1
Malta	1
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	742
Bukan Malaysia	25
Jumlah	767

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	153
Belum Menerima Vaksin	191
Menerima 1 Dos	68
Lengkap 2 Dos	355
Jumlah	767

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	10
1 to 5	66
6 to 11	77
12 to 17	76
18 to 25	107
26 to 59	370
>60	61
Jumlah	767

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 03 Oktober 2021)
1	Ranau	2
2	Kota Belud	1
3	Kudat	1
4	Papar	1
5	Tambunan	1
6	Tawau	1
7	Telupid	1
JUMLAH		8

D KEBENARAN MENGADAKAN MAJLIS RASMI KERAJAAN DAN SWASTA TERMASUKLAH PERASMIAN, SEMINAR DAN BENGKEL SECARA BERSEMUKA BERKUATKUASA 4 OKTOBER 2021

- 1 Majlis rasmi kerajaan dan swasta termasuklah perasmian dan bengkel DIBENARKAN dengan syarat semua yang hadir telah lengkap divaksin dan kapasiti 50% ruang premis.
- 2 Bagi Individu yang belum divaksin atas masalah kesihatan/perubatan yang telah disahkan oleh pegawai perubatan berdaftar, perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian sendiri (*saliva*) sebelum hadir dengan disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Taman Pantai Lok Kawi, Papar	7 September 2021	Ditamatkan pada 4 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 2 Oktober 2021 adalah seramai 22,117 orang. Daripada jumlah ini, seramai 18,089 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 4,028 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 2 Oktober 2021 adalah seramai 2,320,714 orang. Ini meliputi 2,050,058 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.3% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,815,016 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,814,597 orang atau 65.8% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 270,656 orang atau 63.5% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 419 orang setakat ini.

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **632,263** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 41 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 14,371 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 54 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 15 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
 - Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Lima (5) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 16 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 957 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis di keluarkan oleh PBT pada hari ini. Satu (1) notis di daerah Lahad Datu dan satu (1) notis di daerah Penampang. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 194 premis perniagaan dan 250 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Oh Yeah F & B, Dan Yeh Villa (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 248 Premis Perniagaan melibatkan 158 anggota APM. Sebanyak tujuh (7) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 121 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 127 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 646 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	97%
2	Keningau	97%
3	Semporna	97%
4	Ranau	97%
5	Beluran	97%
6	Tawau	97%
7	Kota Belud	97%
8	Tuaran	97%
9	Sipitang	97%
10	Beaufort	97%
11	Penampang	97%
12	Kota Marudu	97%
13	Kunak	97%
14	Tenom	97%
15	Sandakan	97%
16	Papar	96.5%
17	Kudat	96.5%
18	Kinabatangan	96.5%
19	Lahad Datu	96%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II